

**GP Formula 1 Berjaya Di Sebalik Tumpuan Negara Kepada MH370 - Najib  
Bernama  
30 Mac, 2014**

SEPANG, 30 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan Grand Prix F1 Petronas Malaysia 2014 satu kejayaan di sebalik tragedi pesawat Malaysia Airlines MH370 yang hilang.

"Acara ini sangat bagus...dalam keadaan lain, sudah tentulah berlatarkan tragedi MH370 dan kali ini kehadiran (penonton) kurang kira-kira 25 peratus daripada tahun lepas, namun perlumbaan ini sangat bagus," katanya kepada pemberita selepas Grand Prix F1 itu di Litar Sepang di sini.

Dalam perlumbaan hari ini, Najib berkata beliau gembira dengan kejayaan pasukan yang disokong Malaysia iaitu Mercedes AMG Petronas F1 Team, apabila bintang dari Britain, Lewis Hamilton memenangi perlumbaan itu manakala rakan sepasukannya, Nico Rosberg dari Jerman pula di tempat kedua.

"Seperti yang anda maklum, pasukan yang disokong Malaysia, Mercedes AMG Petronas F1 Team mendahului di tempat pertama dan kedua, jadi ia perlumbaan yang bagus pada perspektif Malaysia," kata Najib.

Secara keseluruhan Litar Antarabangsa Sepang (SIC) selaku tuan rumah mencatat kehadiran 92,550 penonton tempatan dan luar negara sepanjang tiga hari berturut-turut.

Pengerusi Litar Antarabangsa Sepang (SIC) Datuk Mokhzani Tun Dr Mahathir berkata walaupun kehadiran penonton merosot berbanding tahun lepas, beliau tetap berpuas hati dengan sokongan yang diberikan peminat tempatan.

"Tempat duduk penonton (grand stand) semua penuh, ramai juga tunggu sampai habis perlumbaan... 30 peratus daripada penonton yang hadir hari ini adalah pelancong asing.

"Kita juga bangga pasukan Mercedes AMG Petronas F1 menang kali buat kali pertama di sini, dan saya percaya kalau kejayaan yang sama pada tahun depan, pasti lebih ramai akan datang," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1026223>